

## **SABAH SOFTWOODS BERHAD BERI SUMBANGAN 820 BAKUL MAKANAN**

Sabah Softwoods Berhad (SSB) telah meneruskan usaha membantu golongan yang terkesan dengan pandemik covid-19 dengan memberi bantuan 820 buah bakul makanan kepada penduduk Kampung Kalabakan, Kampung Brantian dan Kampung Sungai Udin. Pengurus Komunikasi Korporat, En. Sahrudin Paidi, selaku wakil syarikat telah menyampaikan sumbangan kepada rombongan Unit N.73 Sebatik mewakili YBHG. Datuk Hj. Abd Muis Hj. Picho dan telah disaksikan oleh Tn. Malim Supre, Penolong Pegawai Daerah Kalabakan.

Penghantaran dan pengumpulan bakul makanan telah berjalan lancar pada 14hb Januari 2021 sekaligus 600 bakul makanan diedarkan di Kg. Kalabakan. Seterusnya disempurnakan penyerahan kepada YBHG. Datuk Hj. Abd Muis sebanyak 90 bakul makanan di Kg. Brantian dan 130 bakul makanan di Kg. Sungai Udin pada 16hb Januari 2021 lalu.

Aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat (CSR) ini diharap dapat membantu menambahkan keperluan golongan yang memerlukan dalam menghadapi pandemik COVID-19 yang semakin menular ini.

